

MODUL 8 - PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

1. Di bahagian manakah gaji belum bayar direkodkan dalam penyata kewangan?

A Liabiliti semasa
B Aset semasa
C Belanja
D Hasil

SPM 2009

2. Pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2007, jumlah komisen yang masih belum dibayar ialah sebanyak RM1 200.

Apakah catatan pelarasan bagi urus niaga tersebut?

A	Akaun Komisen			
	2007	RM		
	Dis 31	Komisen Belum Bayar	1 200	
	Akaun Komisen Belum Bayar			
B			2007	RM
			Dis 31	Komisen
				1 200
	Akaun Komisen Belum Bayar			
C			2007	RM
			Dis 31	Komisen Belum Terperoleh
				1 200
	Akaun Komisen Belum Terperoleh			
D			2007	RM
			Dis 31	Komisen Belum Terperoleh
				1 200
	Akaun Komisen Belum Terperoleh			
	2007	RM		
	Dis 31	Komisen	1 200	
	Akaun Komisen Belum Terperoleh			
			2007	RM
			Dis 31	Komisen
				1 200

SPM 2008

3. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Noor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

Insurans setahun	RM1 800
Tarikh insurans bermula	1 April 2007

Berapakah nilai insurans yang perlu direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A Insurans prabayar RM450
B Insurans belum bayar RM450
C Insurans belum bayar RM1 350
D Insurans prabayar RM1 350

SPM 2008

4. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Nabilah pada 31 Disember 2008.

	RM
Sewa belum bayar 1 Januari 2008	1 200
Bayaran sewa	7 600
Sewa tahunan	7 200

Berapakah sewa belum bayar bagi tahun tersebut?

- A RM400
- B RM800
- C RM1 200
- D RM1 600

SPM 2009

5. Apakah rumus untuk mengira susut nilai menggunakan kaedah garis lurus?

- A $\frac{\text{Kos asal} - \text{Usia guna}}{\text{Nilai skrap}}$
- B $\frac{\text{Nilai skrap} - \text{Usia guna}}{\text{Kos asal}}$
- C $\frac{\text{Nilai skrap} - \text{Kos asal}}{\text{Usia guna}}$
- D $\frac{\text{Kos asal} - \text{Nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$

SPM 2009

6. Pemilik perniagaan Johari Johan Enterprise telah membeli insurans untuk kedainya pada 1 Jun 2009 dengan premium berjumlah RM840 setahun. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2009.

Pelarasan manakah yang menerangkan pernyataan di atas?

- A Insurans belum bayar RM420
- B Insurans belum bayar RM350
- C Insurans prabayar RM420
- D Insurans prabayar RM350

SPM 2010

7. Perniagaan Aiman ingin melupuskan aset di bawah.

Harga Jualan Perabot (RM)	Nilai Buku Perabot (RM)
38 000	35 000

Apakah kesan urus niaga ke atas untung bersih dan Aset Bukan Semasa?

	Untung Bersih	Aset Bukan Semasa
A	Meningkat	Berkurang
B	Berkurang	Meningkat
C	Meningkat	Meningkat
D	Berkurang	Berkurang

SPM 2018

8. Akaun di bawah diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Sewa Diterima			
2008	RM	2008	RM
Jan. 1 P	850	Dis. 31 Q	1 000
Dis. 31 Baki h/b	150		
	1 000		1 000
		2009	
		Jan. 1 Baki b/b	150

Apakah yang diwakili oleh P dan Q?

	P	Q
A	Bank	Perdagangan
B	Perdagangan	Bank
C	Bank	Untung Rugi
D	Untung Rugi	Bank

SPM 2009

9. Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Mutiara Lini Sendirian Berhad.

2009	RM
Jan. 6 Membeli alat tulis pejabat secara tunai	500
Julai 15 Membeli alat tulis secara kredit daripada Ahmad Stationary	600
Dis. 31 Inventori bekalan alat tulis yang belum digunakan	200

Berapakah jumlah alat tulis yang dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM200
B RM900
C RM1 100
D RM1 300

SPM 2010

10. Pilih padanan yang betul.

	Butiran	Komponen
A	Kadar bayaran belum bayar, sewa belum terima	Aset semasa
B	Kadar bayaran prabayar, sewa belum terima	Liabiliti semasa
C	Insurans prabayar, komisen belum terima	Aset semasa
D	Insurans prabayar, komisen belum terperoleh	Liabiliti semasa

SPM 2011

11. Touchmate Enterprise membeli sebuah van bernilai RM56 000. Penggunaan van dijangka selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap van dianggarkan sebanyak RM7 000. Berapakah susut nilai tahunan van tersebut?

- A RM4 900
B RM5 600
C RM6 300
D RM1 700

SPM 2011

12. Bengkel Membaiki Kereta Jayos telah membayar premium insurans berjumlah RM3 600 pada 1 Mei 2011 untuk tempoh setahun sehingga 30 April 2012. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 31 Disember 2011?

- A RM300
- B RM900
- C RM1 200
- D RM2 400

SPM 2011

13. Berikut ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Nazam.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2011		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 000	
Peruntukan Hutang Ragu		200

Syarikat telah memutuskan bahawa 2% daripada jumlah Akaun Belum Terima diwujudkan sebagai peruntukan hutang ragu.

Apakah kesan terhadap hasil atau belanja syarikat?

- A Hasil bertambah RM120
- B Hasil berkurang RM80
- C Belanja bertambah RM 120
- D Belanja berkurang RM80

SPM 2011

14. Butir manakah yang dicatat di bahagian debit Akaun Untung Rugi?

- I Susut nilai
- II Hutang lapuk
- III Hutang lapuk terpulih
- IV Diskaun diterima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2011

15. Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Murni dan Keluarga.

Perniagaan Murni dan Keluarga
Imbangan Duga pada 31 Disember 2010

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 000	
Peruntukan hutang ragu		240

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM80
- B RM160
- C RM240
- D RM320

SPM 2011

16. Pasangan manakah yang **betul** bagi pengelasan aset dan liabiliti?

	Aset	Liabiliti
A	Hasil belum terima	Hasil belum terperoleh
B	Belanja belum bayar	Belanja prabayar
C	Hasil belum terperoleh	Belanja prabayar
D	Belanja belum bayar	Hasil belum terima

SPM 2012

17. Maklumat berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

Lembaran Kerja bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 (Petikan)

Butir	Imbangan Duga		Pelarasan		Imbangan Duga Terlaras	
	Debit	Kredit	Debit	Kredit	Debit	Kredit
Jualan Tunai	RM 2 355	RM 28 500	RM 120	RM 120	RM	RM

Pengeposan manakah yang betul bagi jualan dan tunai dalam Imbangan Duga Terlaras?

	Jualan	Tunai
A	RM28 620 kredit	RM2 475 debit
B	RM28 620 debit	RM2 475 kredit
C	RM28 380 debit	RM2 235 kredit
D	RM28 380 kredit	RM2 235 debit

SPM 2012

18. Pasangan akaun dan baki manakah yang betul?

- A Inventori alat tulis - baki kredit
- B Insurans prabayar - baki kredit
- C Angkutan keluar belum bayar - baki debit
- D Komisen belum terima - baki debit

SPM 2013

19. Pilih padanan yang betul

	Butir	Pengelasan
I	Sewa belum terima	Aset
II	Kadar bayaran belum bayar	Liabiliti
III	Komisen belum terperoleh	Aset
IV	Insurans prabayar	Liabiliti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2013

20. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Wira pada 31 Disember 2012.

	RM
Mesin (kos)	30 000
Susut nilai terkumpul mesin	6 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2012,
Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM1 500
- B Rugi pelupusan RM4 500
- C Untung pelupusan RM1 500
- D Untung pelupusan RM4 500

SPM 2013

21. Manakah yang berikut merupakan aset perniagaan?

- A Akaun Belum Bayar
- B Gadai janji
- C Insurans prabayar
- D Kadar bayaran belum bayar

SPM 2014

22. Akaun berikut diperolehi daripada buku Seri Putra Trading.

Akaun Pelupusan Alatan Pejabat

2014			RM	2014			RM
Jun 30	Alatan Pejabat		3 500	Jun 30	Susut nilai terkumpul		700
	X		750		Bank		3 550
			<u>4 250</u>				<u>4 250</u>

Apakah X?

- A Baki h/b
- B Susut nilai
- C Rugi pelupusan
- D Untung pelupusan

SPM 2014

23. Maklumat berikut dipetik daripada buku perniagaan Malik Auto yang menjalankan perniagaan membaiki kereta.

	1 Januari 2014	31 Disember 2014
	RM	RM
Alatan kecil	350	210
Maklumat tambahan:		
Alatan kecil berjumlah RM430 telah dibeli sepanjang tahun 2014.		

Berapakah susut nilai alatan kecil yang dicatat pada Akaun Untung Rugi?

- A RM130
- B RM140
- C RM230
- D RM570

SPM 2015

24. Maklumat berikut berkaitan dengan Akaun Belum Terima Encik Johari, pemilik Mega Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2014.

Akaun Belum Terima	Tarikh Jualan	Jumlah Jualan
		RM
Tan	1 Januari 2014	850
Sarah	1 Mei 2014	700
Yello	15 Jun 2014	470

Dasar perniagaan menetapkan tempoh kredit sebulan. Sehingga tarikh penutupan akaun, Encik Johari gagal menghubungi Tan, manakala Sarah telah berjanji akan menjelaskan hutangnya pada bulan Julai 2014.

Berapakah hutang lapuk yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2014?

- A RM700
- B RM850
- C RM1 550
- D RM2 020

SPM 2015

25. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Merah Jambu.

	RM
Akaun Belum Terima	5 000
Akaun Belum Bayar	3 200
Insurans prabayar	1 250
Sewa belum terima	800
Gaji belum bayar	900

Berapakah jumlah modal kerja?

- A RM1 350
- B RM2 250
- C RM2 950
- D RM3 150

SPM 2015

26. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Arif pada 31 Januari 2015.

	RM
Untung kasar	3 575
Faedah atas pinjaman	1 100
Sewa diterima	800
Kadar bayaran	720
Maklumat tambahan:	
Kadar bayaran terdahulu RM180	

Berapakah untung bersih Perniagaan Arif?

- A RM2 555
- B RM2 735
- C RM3 155
- D RM3 335

SPM 2015

27. Catatan manakah yang betul untuk merekod insurans prabayar sebanyak RM280 dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

A		Penyata Kedudukan Kewangan	
	RM		
<u>Aset Semasa</u>			
Insurans prabayar	280		
B		Penyata Kedudukan Kewangan	
	RM		
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Insurans prabayar	280		
C		Penyata Kedudukan Kewangan	
			RM
		<u>Liabiliti Semasa</u>	
		Insurans prabayar	280
D		Penyata Kedudukan Kewangan	
			RM
		<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>	
		Insurans prabayar	280

SPM 2015

28. Terdapat kesilapan yang telah direkodkan dalam Akaun Pelupusan Mesin.

Akaun Pelupusan Mesin					
2014		RM	2014		RM
Dis. 31	Mesin	10 000	Dis. 31	Susut nilai terkumpul	400
				Untung atas pelupusan mesin	3 580
				Bank	6 020
		<u>10 000</u>			<u>10 000</u>

Apakah kesilapan tersebut?

- A** Bank
B Mesin
C Susut nilai terkumpul
D Untung atas pelupusan mesin
29. Antara yang berikut, yang manakah memberi kesan ke atas untung bersih perniagaan?
- I Angkutan keluar
 II Sewa belum bayar
 III Insurans prabayar
 IV Komisen diterima
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SPM 2015

SPM 2016

30. Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Cat Harfiani.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2015		
Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	50 000	
Peruntukan hutang ragu		1 300

Selepas penyediaan Imbangan Duga, seorang penghutang didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM2 000 dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Jika peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2 % atas Akaun Belum Terima bersih, apakah kesan terhadap belanja dan hasil perniagaan?

- A Hasil bertambah RM340
- B Hasil bertambah RM960
- C Belanja bertambah RM340
- D Belanja bertambah RM960

SPM 2016

31. Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku seorang peniaga.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2015	
	RM
Kenderaan	30 000
(-) Susut nilai terkumpul	3 000
	27 000

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2015	
	RM
Kenderaan	30 000
(-) Susut nilai terkumpul	T
	?

Pada 31 Disember 2015, kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah T?

- A RM2 700
- B RM3 000
- C RM5 700
- D RM6 000

SPM 2016

32. Pada 1 Januari 2010, seorang peniaga membeli sebuah van berharga RM60 000. Selepas lima tahun nilai semasanya ialah RM30 000.

Apakah sebab nilainya berkurang?

- A Berlaku kerugian dalam perniagaan
- B Kos pembaikan semakin meningkat
- C Berlaku kerosakan fizikal dan keusangan
- D Perbelanjaan perniagaan semakin bertambah

SPM 2016